

APLIKASI MODEL VAK DALAM GAYA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMSAS BAHASA MELAYU

NORUL HAIDA BT. HJ. REDUZAN
ROBE'AH YUSUF
HIDAYAH BT. HASIM

ABSTRAK

Kajian ini tentang Aplikasi Model VAK dalam gaya pengajaran dan pembelajaran Komsas bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar, Temerloh. Objektif pertama kajian ini, untuk mengenal pasti aplikasi Model VAK dalam gaya pembelajaran Komsas bahasa Melayu, dan objektif kedua membincangkan aplikasi Model VAK dalam gaya pengajaran dan pembelajaran Komsas. Dalam kajian ini, seramai 20 orang murid tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar, Temerloh telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu 10 orang pelajar cemerlang dan 10 orang pelajar lemah. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah temubual dan pemerhatian. Kajian ini memfokuskan kepada gaya pembelajaran VAK yang diperkenalkan oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman dan Montessori (1920). Model gaya pembelajaran VAK ini menerangkan tentang tiga gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran sesuatu ilmu. Menurut gaya pembelajaran VAK, gaya belajar seseorang pelajar itu menurus kepada gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan antara gaya pembelajaran pelajar cemerlang dan pelajar lemah semasa belajar Komsas. Pelajar cemerlang lebih dominan menggunakan gaya pembelajaran visual dan auditori manakala pelajar lemah pula lebih cenderung menggunakan gaya pembelajaran kinestetik. Kesimpulannya, aplikasi Model VAK sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Komsas dan penting bagi guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.

Kata kunci: Model VAK; Gaya pengajaran dan pembelajaran; Komsas; bahasa Melayu

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran teras yang telah diperkenalkan sejak dari peringkat pendidikan sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan juga merupakan bahasa kebangsaan seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Melayu di pelbagai peringkat dalam semua jenis sekolah. Bahasa Melayu juga merupakan mata pelajaran wajib lulus untuk syarat mendapat sijil di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di peringkat sekolah menengah. Mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah telah memberikan penekanan kepada beberapa bahagian penting termasuklah penerapan sastera. Bulan Mac tahun 2000, pusat perkembangan kurikulum telah memasukkan Komsas sebagai elemen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk diajar di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana, sastera dan bahasa mempunyai pertalian antara satu sama lain. Tambahan pula, sastera diungkapkan melalui bahasa.

PERNYATAAN MASALAH

Komsas merupakan pelengkap kepada mata pelajaran Bahasa Melayu. Penerapan Komsas dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca dan memberi nilai dan pengajaran yang berguna dalam diri pelajar. Komsas menyimpan suatu khazanah yang berbudaya tinggi kerana nilai-nilai dan kesantunan yang masih tersembunyi di celah-celah kehidupan masyarakat yang boleh diguna pakai untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Untuk memupuk semula minat pelajar terhadap pembelajaran Komsas, teknik dan model pembelajaran yang betul dan bersesuaian amatlah penting untuk diamalkan oleh guru. Kajian lepas menjelaskan bahawa pendedahan terhadap pelbagai model dan teknik pembelajaran dapat membantu pelajar lebih berminat untuk belajar dan berjaya dalam pelajaran mereka. Namun begitu, unsur ini masih kurang diberikan penekanan oleh guru. Sistem pendidikan di Malaysia masih kurang menekankan aspek teknik belajar yang sesuai dan kebanyakan pelajar mempelajari teknik atau kemahiran belajar secara kebetulan, tidak langsung atau terikut-ikut dengan rakan sebaya. Situasi ini wujud disebabkan pelajar tidak mempunyai panduan yang khusus untuk menghadapi

pembelajaran mereka. Pelajar masih kurang didedahkan dengan model gaya pembelajaran dan kemahiran belajar semasa di peringkat awal persekolahan.

Selain itu, golongan pendidik juga menghadapi masalah dalam mencapai keberkesanan proses pembelajaran kerana tidak memahami sepenuhnya minat dan gaya pembelajaran seseorang pelajar. Kegagalan guru dalam mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai akan memberi kesan terhadap kurangnya minat untuk belajar dalam kalangan pelajar (Anuar Ahmad dan Nelson Jingga, 2015). Peranan golongan pendidik amatlah penting dalam membantu pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Menurut Anuar Ahmad dan Nelson Jingga (2015), golongan pendidik merupakan individu yang berperanan penting menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Komsas di sekolah menengah, guru sebagai golongan pendidik haruslah sentiasa kreatif dalam mengajar dan menggunakan teknik belajar yang sesuai dengan keupayaan dan kebolehan pelajar. Menenal pasti gaya pembelajaran yang paling diminati oleh pelajar dapat membantu guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Tambahan lagi, pelaksanaan penyampaian ilmu yang baik dapat merangsang pelajar mengaplikasi gaya pembelajaran yang lebih berkesan. Gaya pembelajaran yang baik dapat merangsang para pelajar untuk meningkatkan motivasi dan menarik minat mereka untuk belajar komponen Komsas. Bagi memperolehi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang optimum, pendidik harus mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai.

Kesimpulannya, dalam menerima maklumat dan ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, setiap pelajar mempunyai personaliti dan gaya yang tersendiri. Bermula daripada pendidikan awal di pra sekolah, sekolah menengah sehinggalah mereka masuk ke alam universiti, gaya pembelajaran sememangnya telah sedia ada dalam diri masing-masing untuk dipraktikkan dalam proses pembelajaran. Kajian yang mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar penting dijalankan bagi menarik minat pelajar untuk belajar dan seterusnya membantu mereka memilih gaya pembelajaran yang betul dan berkesan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran berdasarkan model VAK terhadap pembelajaran Komsas tingkatan empat di sekolah yang dipilih. Gaya pembelajaran sangat penting bagi setiap pelajar kerana ia mempunyai daya pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik.

DEFINISI OPERASIONAL

Terdapat beberapa definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti yang berikut:

GAYA PEMBELAJARAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), gaya merujuk kepada sikap, kesukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang. Manakala pembelajaran pula merujuk kepada perihal atau proses belajar seseorang individu. Menurut Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad (2011), gaya pembelajaran secara amnya telah didefinisikan sebagai cara individu mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu itu sendiri.

Menurut model gaya pembelajaran VOK oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman dan Montessori (1920) yang membahagikan gaya pembelajaran kepada tiga iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik. Menurut Rose Colin dan Nicholl (2011), gaya pembelajaran VOK ini merangkumi gaya-gaya berikut:

Gaya pembelajaran visual

Dalam gaya pembelajaran ini, pelajar suka belajar melalui melihat perkataan dalam buku dan papan tulis, tidak memerlukan penerangan lisan yang banyak, suka kepada gambaran visual, lakonan, pertunjukan atau melihat video dalam memberi gambaran terhadap sesuatu maklumat.

Gaya pembelajaran auditori

Pelajar lebih suka kepada cara belajar yang melibatkan mendengar, mengingat maklumat dengan membaca kuat atau dengan menggerak-gerakan bibir ketika membaca, serta mudah tertarik kepada maklumat yang disampaikan daripada mendengar pita audio, syarahan dan perbincangan kelas. Pelajar auditori gemar belajar dengan melibatkan deria pendengaran.

Gaya pembelajaran kinestetik

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini meminati aktiviti belajar dengan cara bergerak, terlibat secara aktif dalam aktiviti berkumpulan dan sukakan lawatan. Kombinasi rangsangan seperti aktiviti berkumpulan dan pita audio akan lebih menarik minat pelajar yang mengamalkan gaya ini.

Dengan ini, gaya pembelajaran dalam kajian ini memberikan fokus kepada tiga jenis gaya pembelajaran seperti yang disenaraikan oleh model VAK. Pengkaji memahami bahawa gaya pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini memberi fokus kepada gaya pembelajaran berbentuk video dan lakonan, gaya pembelajaran memfokuskan penggunaan audio dan gaya pembelajaran secara berkumpulan.

Komsas

Perkataan KOMSAS merupakan akronim dari dua perkataan iaitu 'komponen' dan 'sastera'. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), komponen bermaksud bahagian yang menjadikan sesuatu lengkap atau sempurna. Sastera pula, bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu amat penting kepada murid. Kepentingan komponen sastera adalah untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Selain itu, sastera juga dapat membina kualiti minda dan keinsanan. Komponen sastera merangkumi karya-karya sastera seperti novel, cerpen, puisi, bahasa berirama, nyanyian lagu rakyat, seni pentas dan juga sebarang tulisan atau karya yang berbentuk kreatif.

Kesimpulannya dalam kajian ini, komsas dimaksudkan sebagai komponen sastera yang diletakkan di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang terdiri daripada puisi tradisional, prosa, cerpen serta drama.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di daerah Temerloh Pahang. Jumlah populasi murid-murid tingkatan empat adalah seramai 227 orang. Namun, sampel kajian yang dipilih adalah seramai 20 orang murid sahaja. Secara ringkasnya, kajian ini hanya melibatkan 10 orang pelajar tingkatan empat yang cemerlang dan 10 orang pelajar yang lemah dalam bahagian Komsas di SMK Abu Bakar sebagai sampel kajian. Oleh itu, hasil kajian ini hanya boleh digeneralisasi kepada pelajar tingkatan empat di sekolah yang terlibat sahaja iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar, Temerloh, Pahang.

Dari segi metodologi kajian, kajian ini hanya membataskan kepada kaedah kualitatif dalam mendapatkan hasil data kajian. Hasil dapatan kajian hanya tertumpu kepada hasil temu bual dan pemerhatian pengkaji terhadap sampel kajian yang dipilih. Selain itu, walaupun terdapat pelbagai teori dan model berkaitan dengan gaya pembelajaran pelajar, kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada model gaya pembelajaran VAK dalam mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar.

SOROTAN KAJIAN

Menurut Nurul Farhana Mazian Bte Jamian (2012) telah dijalankan dalam mengenal pasti kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini telah dijalankan terhadap mahasiswa ijazah sarjana muda di UTHM dengan memberikan fokus kepada dua jenis model gaya pembelajaran. Model gaya pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini adalah model Honey dan Mumford dan Model Dunn dan Dunn. Hasil kajian terhadap 295 orang mahasiswa mendapati bahawa gaya pembelajaran mahasiswa di UTHM adalah dipengaruhi oleh faktor persekitaran sebagai yang dominan. Seterusnya mahasiswa di UTHM juga mengamalkan gaya pembelajaran teoris, aktivis, reflektif, pragmatik, psikologikal, fizikal, sosiologikal dan emosional. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa mahasiswa di UTHM lebih dipengaruhi oleh model Honey dan Mumford berbanding model Dunn dan Dunn.

Ena Bhattacharyya dan Ameri (2014) pula dijalankan di Malaysia untuk mengenal pasti gaya pembelajaran dan kesannya dalam kalangan responden pada peringkat pendidikan tinggi. Kajian ini telah dijalankan terhadap 73 orang pelajar dengan menguji persepsi gaya pembelajaran mereka berdasarkan model VAK. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar ini lebih cenderung untuk mengamalkan gaya pembelajaran visual yang melibatkan proses pembelajaran seperti penggunaan gambar, penulisan, membuat nota dan melihat

peta atau gambar rajah. Hasil kajian juga merumuskan bahawa setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dalam ketiga-tiga jenis gaya yang diperkenalkan oleh model VAK. Hasil kajian juga menerangkan bahawa terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kecenderungan memilih gaya pembelajaran yang sesuai. Secara keseluruhannya, hasil kajian membuktikan bahawa pelajar lelaki lebih memilih gaya pembelajaran visual berbanding pelajar perempuan. Tambahan lagi, terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengkaji hubungan di antara gaya pembelajaran dan prestasi pelajar, Kajian oleh Izyana, Badariah, Marina dan Rina (2014) telah dijalankan terhadap pelajar di UNITEN, Malaysia. Kajian ini juga memberikan tumpuan kepada model VAK dalam mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Seramai 30 orang pelajar kos IT di UNITEN telah terlibat. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 37% pelajar mengamalkan gaya pembelajaran visual, 26% pelajar mengamalkan gaya pembelajaran auditori dan selebihnya 37% lagi pelajar mengamalkan gaya pembelajaran kinestetik.

Seterusnya, kajian oleh Seri Syahliliana pada tahun 2015 pula telah dijalankan untuk mengkaji kesan pembelajaran berteraskan gaya pembelajaran visual. Kajian ini telah dijalankan terhadap pelajar teknikal di dua buah politeknik di Malaysia. Responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester 5 daripada 2 buah Politeknik iaitu Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, dan Politeknik Port Dickson. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif di mana melibatkan seramai 19 responden daripada Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) dan seramai 21 responden lagi daripada Politeknik Port Dickson (PPD). Hasil kajian menunjukkan kepentingan penggunaan gaya pembelajaran visual dalam kalangan pelajar politeknik. Berdasarkan pada hasil kajian ini, pengkaji telah mencadangkan satu kerangka pelaksanaan proses pembelajaran yang menggabungkan intervensi aplikasi pembelajaran dengan elemen gaya pembelajaran visual bagi meningkatkan daya kefahaman pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Chinmay Shah, Naisargi, Joshi dan Gokhle (2011). Kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar perubatan di India. Kajian ini juga memberikan penekanan kepada gaya pembelajaran berteraskan visual, auditori, membaca/menulis dan kinestetik seperti yang disarankan oleh model VAK. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan soal selidik kepada responden kajian. Hasil kajian terhadap 92 orang pelajar mendapati bahawa gaya pembelajaran auditori menjadi pilihan yang dominan dalam kalangan pelajar. Terdapat 1.08% pelajar mengamalkan gaya pembelajaran visual, 17.39 % pelajar mengamalkan gaya pembelajaran kinestetik dan 2.17 % pelajar mengamalkan gaya pembelajaran menulis dan membaca.

Selain itu, kajian oleh Abbas Pourhossein (2012) turut dijalankan untuk mengkaji kesan gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik terhadap pengajaran Bahasa Inggeris. Kajian yang tertumpu di Iran ini telah dijalankan terhadap 100 orang pelajar. Secara keseluruhannya, hasil kajian membuktikan bahawa responden kajian kebanyakannya telah mengamalkan gaya pembelajaran secara visual berbanding gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik. Shahin Gholami (2013) yang telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran model VAK dan cara penyelesaian masalah pelajar mengikut jantina. Kajian ini telah dijalankan terhadap 102 pelajar universiti di Iran. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana memberikan tumpuan kepada soal selidik sebagai cara pengumpulan data. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran VAK dengan gaya penyelesaian masalah pelajar. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan di antara gaya pembelajaran model VAK bagi pelajar lelaki dan perempuan. Mutua Meshack Nzesei (2015) turut dijalankan untuk mengkaji hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian oleh Mutua Meshack Nzesei (2015) ini telah dijalankan terhadap pelajar sekolah menengah di Kenya. Kajian kuantitatif ini telah dijalankan terhadap 280 orang responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar di sekolah tersebut kebanyakannya mengamalkan gaya pembelajaran trimodal, bimodal dan gaya pembelajaran unimodal. Hasil kajian juga mendapati bahawa hanya 2 orang pelajar perempuan mengamalkan gaya pembelajaran kinestetik. Dari segi perbezaan jantina, hasil kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan gaya pembelajaran bagi pelajar lelaki dan perempuan bagi responden kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui Model VAK dalam gaya pengajaran dan pembelajaran KOMSAS bahasa Melayu.

Model Gaya Pembelajaran VAK (1920)

Kajian ini telah memberikan fokus kepada model gaya pembelajaran VAK sebagai panduan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar di sekolah yang terpilih. Model gaya pembelajaran VAK telah diperkenalkan oleh Barbe (1987). Model ini telah membincangkan tiga jenis gaya pembelajaran yang seringkali digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran iaitu gaya pembelajaran berdasarkan visual, auditori dan kinestetik. Gaya visual selalunya melibatkan visual verbal dan visual bukan verbal. Bagi visual verbal, pelajar akan lebih menunjukkan minat terhadap maklumat yang dipersembahkan dalam bentuk visual dan bertulis. Gaya visual bukan verbal pula lebih menunjukkan berminat terhadap maklumat yang dipersembahkan dalam bentuk gambar atau format reka bentuk.

Selain itu, gaya pembelajaran auditori pula lebih cenderung untuk memberikan fokus kepada maklumat atau sesi pembelajaran yang dipersembahkan secara oral. Dalam sesi pembelajaran, proses pembelajaran akan lebih berkesan apabila pelajar memberi tumpuan dalam mendengar penyampaian kuliah dan terlibat dalam perbincangan secara kumpulan. Pelajar ini belajar dengan lebih baik apabila berinteraksi dengan orang lain dalam bentuk aktiviti mendengar atau bercakap.

Gaya pembelajaran kinestetik pula lebih memberi tumpuan kepada pelajar yang menggemari aktiviti secara fizikal. Pelajar lebih tertarik dalam sesi pembelajaran yang mencabar dan menggunakan sesuatu yang baru seperti dalam makmal yang membolehkan mereka menyentuh dan memanipulasikan bahan.

Kesimpulannya, gaya pembelajaran berdasarkan model VAK ini memberikan tumpuan kepada tiga jenis pembelajaran iaitu visual, auditori dan kinestetik. Model ini menerangkan bahawa setiap proses pembelajaran akan dipengaruhi oleh ketiga-tiga gaya ini. Terdapat pelajar yang hanya tertumpu pada satu gaya dan ada juga pelajar yang menggabungkan ketiga-tiga jenis gaya model VAK ini dalam proses pembelajaran mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar, Temerloh, Pahang. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih responden kajian seramai 20 orang daripada populasi keseluruhan pelajar tingkatan empat di SMK Abu Bakar. Sepuluh orang daripadanya merupakan pelajar yang cemerlang dalam pembelajaran Komsas dan 10 orang lagi terdiri daripada pelajar lemah dalam pembelajaran Komsas. Kaedah pengumpulan data kajian dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian yang penting iaitu kaedah temu bual dan pemerhatian. Bagi mengumpul data kajian, instrumen yang digunakan adalah merujuk kepada bahan-bahan yang dibawa dan direkod sepanjang sesi temu bual dan pemerhatian dijalankan. Bagi proses temu bual, antara alat/instrumen yang digunakan oleh pengkaji adalah alat perakam bagi merakam setiap proses temu bual semua responden yang terlibat. Bagi proses pemerhatian pula, pengkaji telah menggunakan kamera untuk menangkap gambar sesi pembelajaran dan pemerhatian yang dijalankan.

Selain itu, catatan nota turut dilakukan oleh pengkaji. Dalam menganalisis semua sesi temu bual bersama responden kajian, pengkaji telah menganalisis data dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Pendekatan analisis kandungan selalu digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data temu bual. Analisis kandungan ini digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna setiap sesi temu bual. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis kandungan dengan melibatkan kaedah pengkodan dalam memberi tema untuk setiap gaya pembelajaran. Pengkaji mengaplikasi Model gaya pembelajaran VAK telah diperkenalkan oleh Barbe (1987). Model ini telah membincangkan tiga jenis gaya pembelajaran yang seringkali digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran iaitu gaya pembelajaran berdasarkan visual, auditori dan kinestetik.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Kandungan dan Analisis Tematik

Terdapat tiga tema yang dibina di dalam kajian ini iaitu untuk gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik. Selain itu, bagi setiap tema, pengkaji mengenal pasti kategori yang terlibat untuk memudahkan data di analisis. Setelah itu, pengkaji akan menilai setiap transkrip dan menjawab setiap objektif kajian yang dibina sebelum ini. Dalam kajian ini, terdapat 10 orang sampel kajian yang terdiri daripada pelajar cemerlang dalam pembelajaran KOMSAS. Kesemua pelajar menjawab soalan yang ditanya dalam sesi temu bual dengan baik. Secara keseluruhannya, terdapat 5 orang pelajar yang menunjukkan gaya pembelajaran Visual. Berikut adalah contoh transkrip teks bagi sampel yang menunjukkan gaya pembelajaran Visual.

Soalan 1: Adakah kamu suka melihat nota yang diajar di papan tulis semasa belajar KOMSAS?

Pelajar B: “Ya cikgu, bagi saya memberikan fokus kepada apa yang ditulis oleh guru di hadapan kelas dapat membantu saya memahami apa yang dipelajari. Lagipun, penting bagi saya untuk menyalin nota supaya memudahkan saya dalam sesi ulang kali nanti.

Pelajar A: “Saya memang suka menulis dan menyalin setiap nota yang ditulis oleh guru di hadapan kelas. Ini dapat membantu saya memahami dan mendalami pembelajaran KOMSAS”.

Soalan 2 : Dalam sesi pembelajaran KOMSAS, kamu suka atau tidak melihat video atau lakonan semula?

Pelajar F: “Ya, saya akan lebih mudah faham dalam sesi pembelajaran KOMSAS bila cikgu menyediakan tayangan video dan sesi lakonan. Saya suka tengok tayangan video tersebut. Saya mudah memahami dan mengingati watak dalam cerpen KOMSAS”.

Soalan 3 : Melihat papan tulis dan menonton video membantu kamu dalam memahami komponen KOMSAS?

Pelajar I: “Betul cikgu, saya mudah faham apa yang saya belajar apabila melihat papan tulis dan menghayati video yang ditayangkan. Ini amat membantu saya mengingati setiap watak dalam cerpen KOMSAS.

Selbihnya, 5 lagi sampel kajian yang cemerlang dalam pembelajaran KOMSAS telah menunjukkan kecenderungan mengamalkan gaya pembelajaran auditori. Berikut adalah contoh transkrip teks bagi sampel kajian yang menunjukkan kecenderungan mengamalkan gaya pembelajaran auditori.

Soalan 1: Kamu suka belajar dengan mendengar?

Pelajar E: “Ya cikgu, saya suka belajar dengan mendengar. Bagi saya, mendengar sesuatu dengan teliti dapat memudahkan saya memahami apa yang dipelajari”.

Pelajar H: Mendengar secara teliti dalam proses pembelajaran KOMSAS amat penting bagi saya. Dengan mendengar saya dapat memahami dengan jelas setiap ilmu yang diajar dalam kelas.

Soalan 2: Kamu membaca dengan kuat atau tidak dalam proses memahami KOMSAS?

Pelajar J: “Untuk mudah faham KOMSAS, saya perlu membaca dengan kuat dan berulang kali. Membaca dengan kuat dapat membantu saya mengingati dan memahami apa yang dipelajari dalam pembelajaran KOMSAS.

Soalan 3: Kamu suka mendengar cikgu memberi syarahan dan menghuraikan setiap perbincangan dalam kelas?

Pelajar E: “Ya, saya suka mendengar setiap penerangan cikgu dalam kelas untuk memahami KOMSAS. Saya juga memberikan tumpuan dalam perbincangan berkumpulan untuk lebih memahami apa yang dipelajari”.

Bagi soalan berkaitan dengan gaya pembelajaran kinestetik pula, sampel yang mendapat keputusan cemerlang dalam pembelajaran KOMSAS kurang menunjukkan ciri-ciri tersebut. Apabila ditanya soalan berkaitan dengan dengan gaya pembelajaran kinestetik, mereka agak bersetuju tetapi kurang mengamalkan gaya pembelajaran tersebut. Sebagai contoh, pelajar B menerangkan bahawa:

Pelajar B. “saya juga memberikan tumpuan dalam perbincangan berkumpulan, tetapi saya lebih suka apabila sesi pembelajaran melibatkan lakonan semula atau tayangan video.

Secara keseluruhannya, bagi menjawab objektif pertama kajian, hasil temu bual dengan pelajar cemerlang dalam pembelajaran KOMSAS mendapati bahawa mereka mengamalkan gaya pembelajaran visual dan auditori yang mana lebih menumpukan cara pembelajaran yang berbentuk lakonan semula, penerangan guru dan mencatat nota.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam pembelajaran KOMSAS di SMK Abu Bakar, Temerloh, Pahang. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberikan pendedahan terhadap beberapa jenis gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh model VAK. Selain itu, dapatan kajian ini juga diharap dapat membantu pelajar dan guru dalam meningkatkan prestasi subjek bahasa Melayu khususnya pada bahagian yang kurang diminati ini iaitu KOMSAS.

Bibliografi

- Abbas Pourhossein(2012). *Visual, Auditory, Kinaesthetic Learning Styles and Their Impacts on English Language Teaching*, Journal of Studies in Education, 2(1), 104-113.
- Anuar Ahmad dan Nelson Jingga (2015). *Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah*, Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 3 (2), 1-11.

- Chinmay Shah, Naisargi, Joshi dan Gokhle (2011). *Learning Styles Adopted by Medical Students*, International Research Journal of Pharmacy, 2 (12), 227-229.
- Ena Bhattacharyya and Ameri Bin Mohd Sarip @ Shariff (2014). *Learning Style and Its Impact in Higher Education and Human Capital Needs*, Procedia Social and Behavioral Sciences, (123),485 – 494.
- Izyana, Badariah, Marina dan Rina (2014). *Learning Style And Course Performance: An Empirical Study Of Unites It Students*, International Journal of Asian Social Science, 2014, 4(2): 208-216.
- Meor Ibrahim Kamaruddin and Assaadah Mohamad (2011). *Kajian Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar UTM*. Journal of Educational Psychology and Counseling, 2, 51-77
- Mutua Meshack Nzesei (2015). *A Correlation Study Between Learning Styles And Academic Achievement Among Secondary School Students In Kenya*, Master of Education Degree (M.Ed) in Measurement and Evaluation, University of Nairobi.
- Nurul Farhana Mazian Bte Jamian (2012). *Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Dunn Dan Dunn Dan Model Honey Dan Mumford Di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fptp Di UTHM*, Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. UTHM.
- Shahin Gholami (2013). *Relationship between VAK Learning Styles and Problem Solving Styles regarding Gender and Students' Fields of Study*, Journal of Language Teaching and Research, 4(4), 700-706.